

## Campur pakaian asli, tiruan

**Kuala Lumpur:** Sindiket barangan tiruan dikesan cuba mengaut keuntungan mudah apabila dikesan mencampur adukkan baju dan topi asli dengan tiruan sempena perlumbaan kejohanan MotoGP, kelmarin.

Bagaimanapun, tindakan itu berjaya dikesan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) apabila menyerbu sebuah kedai di Jalan Alor, Sabtu lalu.

Ketua Penguatkuasa KPDNHEP Kuala Lumpur, Azeem Nazuri berkata, pihaknya merampas pelbagai barang tiruan yang dijadikan cenderamata sempena perlumbaan berkenaan bernilai RM7,090.

"Serbuan merampas sejumlah 122 baju pelbagai jenama antaranya The Doctor, 46 dan VR 46.

"Selain itu, turut dirampas 23 topi jenama yang sama dan empat seluar jenama 46 serta dua beg berjenama 46," katanya.